



# نوٹیس

## NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan berkuatkuasa 18 hingga 31 Mac 2020, aktiviti perniagaan di kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam hanya beroperasi sebagaimana berikut;

BIL	JENIS PREMIS	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Pasar Besar, Pasar Awam dan Pasar Basah <i>* hanya untuk pelanggan berumur 18 tahun ke atas dihadkan tidak lebih daripada 2 orang sahaja dalam satu keluarga.</i>	7.00 pagi - 2.00 petang
2.	Pasar Borong RTC FAMA Tunjong	waktu operasi seperti biasa yang dibuat sebelum ini
3.	Kedai / Premis makanan terhad perkhidmatan penghantaran ( <i>delivery</i> ), pandu lalu ( <i>drive-thru</i> ) dan bungkus ( <i>takeaway</i> )	7.00 pagi - 7.00 malam
4.	Pasaraya, kedai runcit, kedai serbaneka 24 jam <i>* alat yang dikongsi kegunaannya seperti trolis, bakul dsb hendaklah dilap dengan pembasmi kuman setiap 2 jam</i>	7.00 pagi - 7.00 malam
5.	Stesen minyak <i>* memastikan kelengkapan sanitizer yang mencukupi disediakan dan digalakkan menempatkan petugas pam utk pengisian minyak</i>	7.00 pagi - 7.00 malam
6.	Perkhidmatan dalam sektor kesihatan seperti klinik, farmasi, pusat hemodialisis dan seumpama dengannya.	waktu operasi seperti biasa yang dibuat sebelum ini

**PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN SELAIN DI ATAS YANG TIDAK MELIBATKAN PERKHIDMATAN PENTING NEGARA (ESSENTIAL SERVICE) HENDAKLAH DITUTUP SEPENUHNYA.**

Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi arahan ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas pihak tuan. Arahan ini adalah selaras dengan **AKTA 342, AKTA PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988** dan **AKTA POLIS 1967** dan tertakluk kepada perubahan arahan terkini dari semasa ke semasa. Kegagalan pematuhan kepada arahan ini adalah **SATU KESALAHAN JENAYAH** dan boleh dikenakan **HUKUMAN PENJARA SEHINGGA 2 TAHUN, DENDA ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI.**

Arahan ini berkuatkuasa mulai Ahad, 22 Mac 2020.

Arahan

**YANG DIPERTUA,**

**MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM**